

# 50 negara akan menonton sepaktakraw dan silat kita

4  
-6 OCT 1987

Oleh AZMI MOHD RAFI

B. Harian (M)

SUKAN tradisional Malaysia, pencak silat dan sepaktakraw akan dapat ditonton di 50 negara di dunia yang meliputi 200 juta penonton apabila usaha-usaha memasukkan sukan berkenaan ke dalam penerbitan *World Sports Television* berjaya dilaksanakan tidak lama lagi.

Usaha ini membabitkan Kejohanan Sepaktakraw Mas-Utusan-RTM 1987 serta acara yang sama di Sukan SEA Jakarta yang lalu. Sementara bagi Kejohanan Silat Sedunia 87 di Kuala Lumpur Disember ini dan acara yang sama di Sukan SEA yang lalu turut di senaraikan.

Penerbit juga merancang untuk memasukkan Kejohanan Badminton Terbuka Malaysia 1987 yang akan memaparkan perlawanan akhir antara Yang Yang dari China dan Morten Frost dari Denmark.

Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat berkata: "Usaha-usaha ini tentunya akan menaikkan lagi imej Malaysia sebagai pusat kejohanan bertaraf antarabangsa di samping memperkenalkan sukan tradisional Malaysia ke seluruh dunia."



■ DATUK MOHAMED RAHMAT

## Juara

Sempena pelancaran dan penyerahan bahan filem sukan antarabangsa untuk *Gillette World Sports Special* kepada pengurus besar serantau Syarikat Gillette, Norman Robert di Hotel Hilton Kuala Lumpur semalam, beliau berkata: "Usaha meningkatkan taraf sukan tradisional Malaysia seperti sepaktakraw dan pencak silat mencapai banyak kemajuan."

Katanya, sepaktakraw yang asalnya dimainkan oleh orang-orang Melayu telah men jadi acara kegemilangan sukan serantau dan antarabangsa, dengan peraturan-peraturan baru dan kini turut dikuasai oleh juara baru seperti Thailand.

"Begitu juga dengan silat yang dulunya menjadi senjata orang-orang Melayu kini berkembang menjadi sukan bertaraf antarabangsa dengan berlangsungnya kejohanan-kejohanan dunia, dua kali di Jakarta dan di Vienna tahun lepas," tegas Datuk Mohamed.

Menurutnya lagi sumbangan syarikat ini perlu menerima puji kerana penerbitan ini secara tidak langsung akan menempatkan Malaysia sebagai salah satu destinasi pelancongan di dunia.